

NESTLE Malaysia Berhad (Nestle) memperuntukkan sehingga RM1 juta bagi melaksanakan program Cara Hidup Sihat yang bertujuan meningkatkan pengetahuan dan amalan cara hidup sihat di kalangan pelajar.

Pengarah Urusannya, Peter Vogt berkata, jumlah berkenaan sebahagian daripada kos sebenar yang diletakkan untuk program ini kerana ia menelan belanja lebih besar kerana dilaksanakan secara berperingkat.

Menurutnya, program berkenaan yang dilaksanakan selama tiga tahun mulai tahun ini membabitkan penyertaan guru, warden dan pengendali makanan kerana untuk peringkat permulaan ini ia membabitkan pelajar asrama.

“Sebagai langkah permulaan, kami menerima penyertaan 100 sekolah asrama harian dengan 332 pengendali makanan dilatih untuk menyediakan makanan berkhasiat,” katanya selepas pelancaran yang diadakan di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Dr Wee Ka Siong.

Menurutnya, pihaknya memilih sekolah asrama harian kerana pelajar daripada kelompok ini lebih terdedah dengan makanan disediakan pengendali makanan.

Laksana program tingkat amalan gaya hidup sihat



FOKUS...Dr Wee (tengah) bersama Vogt (kiri) mendengar penjelasan pakar nutrisi pada majlis pelancaran program Cara Hidup Sihat.

“Berbeza dengan pelajar yang tinggal di rumah kerana mendapat pemantauan ibu bapa dan lebih mudah mendapat makanan berkhasiat.

“Bagi pelajar yang tinggal di asrama, mereka menerima makanan disediakan pengendali dilantik dan penting untuk melatih pengan-

dali ini menyediakan makanan menggunakan ramuan kurang garam dan lemak,” katanya.

Vogt berkata, modul pendidikan yang diketengahkan merangkumi pemahaman mengenai berat badan dan perubahan kitar hidup, keseimbangan pengambilan dan penggunaan tenaga, ke-

pentingan pemakanan sihat serta cara hidup aktif.

Setakat ini, 203 guru dan warden mengikuti latihan ini yang kemudiannya akan menyampaikan maklumat diterima kepada pelajar hasil pemantauan penyelidik dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM).